

U 8859 AAB
MAHATHIR - MAJORITI 2 2 2

KUALA LUMPUR, 22 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENYIFATKAN KEJAYAAN BARISAN NASIONAL (BN) MENGEKALKAN MAJORITI DUA PERTIGA DALAM PILIHAN RAYA KALI INI SEBAGAI BUKTI RAKYAT MASIH MAHUKAN BN MEMERINTAH KE ARAH MENGEKALKAN KEAMANAN, KESTABILAN DAN KEMAKMURAN.

+SAYA AMAT GEMBIRA KERANA KITA TELAH MENCAPAI MAJORITI DUA PERTIGA, APATAH LAGI KITA DAPATI MAJORITI INI DENGAN MENGALAHKAN SEMUA PEMIMPIN SEMANGAT 46 SELAIN DARIPADA DI KELANTAN DAN TERENGGANU. SEMUA PEMIMPIN BESAR SEMANGAT 46 DIKALAHKAN,+ KATA PERDANA MENTERI.

BELIAU YANG KELIHATAN SENTIASA TERSENYUM SEPANJANG TEMURAMAH SECARA LANGSUNG MELALUI TV MALAYSIA AWAL PAGI INI BERKATA, KEMENANGAN DENGAN MAJORITI BESAR MENUNJUKKAN RAKYAT MENERIMA MATLAMAT BN YANG TERKANDUNG DALAM MANIFESTONYA.

SEMASA MENGULAS KEKALAHAN BEBERAPA ORANG MENTERI, PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU AKAN MEMIKIRKAN MENGENAI WAKIL NEGERI-NEGERI DALAM SENARAI MENTERI KABINET.

+YANG MENJADI MASALAH KEPADA KITA IALAH KELANTAN TIDAK MEMPUNYAI SEORANG PUN YANG BOLEH KITA CALONKAN, WALAUPUN UNTUK MENJADI BETIAUSAHA PILITIK,+ KATANYA. -- LAGI
0442MST 22 10 90

D318

U 8867 AAB
MAHATHIR - MAJORITI 2 KUALA LUMPUR

DUA MENTERI YANG TEWAS IALAH MENTERI PERTAHANAN, TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN DI KOTA BARU DAN MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN ALAM SEKITAR, DATUK AMAR STEPHEN YONG DI BANDAR KUCHING.

DITANYA SAMA ADA BELIAU SUDAH MEMPUNYAI CALON YANG BAKAL MEMBARISI SENARAI KABINET, PERDANA MENTERI BERKATA, SOAL ITU MASIH AWAL UNTUK DIBINCANGKAN KERANA BEBERAPA KEPUTUSAN BELUM DIKETAHUI.

SEMASA DITANYA BAGAIMANAKAH BELIAU AKAN BERURUSAN DENGAN SABAH DAN KELANTAN YANG KINI BERADA DI BAWAH PEMERINTAHAN PARTI PEMBANGKANG, BELIAU BERKATA: +SAYA MENGAKUI BAHAWA SAYA TIDAK MEMPUNYAI PENGALAMAN BERURUS DENGAN KERAJAAN YANG DIKUASAI OLEH PARTI PEMBANGKANG+.

+UNTUK ITU SAYA PERLU MEMIKIRKANNYA DENGAN MENDALAM MENGENAI PERKARA INI DAN MENDAPAT NASIHAT DARIPADA MEREKA YANG DAHULU BIASA DENGAN PENGALAMAN INI,+ KATA BELIAU. -- LAGI
0446MST 22 10 90

D319

U 8869 AAB
MAHATHIR - MAJORITI 3 KUALA LUMPUR

BELIAU MENAMBAH KATA, BN AKAN MEMBUAT POST-MORTEM TERHADAP PENCAPAIAN GABUNGAN DALAM PILIHAN RAYA INI WALAUPUN MENCAPAI KEMENANGAN MAJORITI BESAR. IA BERTUJUAN UNTUK DIJADIKAN ASAS MENGATUR STRATEGI PILIHAN RAYA AKAN DATANG.

+JANGAN TANYA BILA PILIHAN RAYA,+ KATANYA SAMBIL TERTAWA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERPUAS HATI DENGAN PENCAPAIAN PARTI-PARTI KOMPONEN BN YANG KESELURUHANNYA LEBIH BAIK DARIPADA PENCAPAIAN PILIHAN RAYA TAHUN 1986. -- BERNAMA
0447MST 22 10 90